

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 SEPTEMBER 2016

PPBM ditubuh berasaskan dendam, tidak bertahan lama

UM - 19/9/2016

ARAU 18 Sept. - Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) tidak akan bertahan lama kerana penubuhannya berasaskan dendam kesumat oleh pemimpinnya setelah dipecat daripada parti.

Menurut beliau, perkara itu sama seperti penubuhan PKR yang diwujudkan kononnya untuk membela nasib dan keadilan penasihatnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tengku Adnan yang juga Menteri Wilayah Persekutuan berkata, beliau menyedari PPBM kini giat meraih sokongan daripada sebilangan ahli UMNO di peringkat bahagian selain ahli Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa).

"Kita tahu ada lima hingga 20 peratus ahli UMNO di sesetengah tempat tidak menyokong (pemimpin) bahagian. Namun kita percaya usaha PPBM ini tidak akan berjaya kerana ahli parti tahu han-

ya UMNO mempunyai hala tuju yang jelas (membantu rakyat)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Arau di Kolej Matrikulasi Arau, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Tengku Adnan turut berpendapat apa yang berlaku pada UMNO kini sudah ditakdirkan Allah apabila terpaksa menentang bekas pemimpinnya iaitu bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Maka sebab itu, saya rayu seluruh ahli UMNO pertahankan Presiden parti, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana dengan cara ini UMNO dapat dipertahankan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Tengku Adnan menggesa UMNO meningkatkan usaha mendaftar pengundi baharu bagi memasti-

kan kemenangan UMNO dan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Kata beliau, bilangan ahli UMNO berdaftar sebagai pengundi iaitu seramai 3.1 juta orang berbanding 13 juta pengundi berdaftar belum mencukupi untuk menang dalam PRU.

"Ini (berdaftar sebagai pengundi) khususnya kepada anak-anak muda Melayu yang malas hendak mendaftar sebagai pengundi," ujar beliau.

Pada masa sama, Tengku Adnan menyelar sebahagian ahli UMNO yang selalu mengharapkan projek dan sanggup mengeji parti itu jika tidak dipenuhi permintaannya.

"Banyak masalah yang kita mampu beri (projek) pembinaan jalan dan jambatan. Ahli macam ini hanya pandai tanya apa yang parti boleh beri dan bukannya apa yang dia boleh beri sumbangan (parti)," katanya lagi.